

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 10 FEBRUARI 2022  
AKHBAR : BERNAMA  
MUKA SURAT : <https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2050924>

### Graduan TVET dapat permintaan tinggi dalam sektor industri di N. Sembilan



SEREMBAN, 10 Feb -- Graduan dalam jurusan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) mendapat permintaan tinggi daripada sektor industri di Negeri Sembilan, justeru ia dapat mengurangkan kebergantungan majikan kepada tenaga kerja asing.

Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Aminuddin Harun berkata kebolehpasaran graduan TVET ini merupakan aset kepada negara kerana mereka merupakan penyumbang tenaga kerja yang mahir dalam industri termasuk sektor perkilangan dan pembuatan.

"Pekerja tempatan amat dialu-alukan di kawasan perindustrian. Kita harap pelajar lepasan TVET menyahut cabaran untuk bekerja dalam sektor tersebut dan saya yakin mereka diterima oleh pihak industri itu sendiri," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Konvokesyen Kolej Vokasional Ampangan di Pusat Konvensyen Casa Lagenda, Seremban di sini hari ini.

Beliau berkata prestasi industri sektor perkilangan dan pembuatan di negeri ini amat baik dan ini secara tidak langsung menyumbang kepada daya tarikan pelabur untuk datang ke negeri ini.

Terdahulu, Aminuddin menyampaikan sijil diploma kepada 131 pelajar Kolej Vokasional Ampangan di Majlis Konvokesyen Kolej Vokasional Keenam 2021.

Sementara itu, pasangan kembar seiras Muhammad Aidil Mohamad Fazli dan Muhammad Fitri antara penerima pelajar cemerlang Diploma Teknologi Elektrik pada majlis itu.

Pasangan kembar berusia 21 tahun itu memperoleh keputusan membanggakan dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) masing-masing 3.73 dan 3.72.

Muhammad Aidil berkata dia dan kembarnya memilih untuk meneruskan pengajian di Kolej Vokasional Ampangan selepas tingkatan tiga kerana minat yang mendalam dalam bidang teknikal.

"Tidak sangka kami berdua diterima masuk ke Kolej Vokasional Ampangan dalam jurusan yang sama iaitu Diploma Teknologi Elektrik. Paling menggembirakan, kami berdua boleh belajar bersama-sama serta saling membantu serta memberi sokongan moral dan emosi," katanya.

Muhammad Aidil berkata antara tip kejayaan mereka adalah dengan menjadikan saluran 'YouTube' sebagai medium pembelajaran tambahan serta melakukan kerja teknikal bersama.

Sementara itu, Muhammad Fitri berkata sebagai pasangan kembar seiras, pada awalnya rakan-rakan serta tenaga pengajar tidak dapat membezakan antara mereka berdua dan adik-beradik itu juga aktif dalam bidang sukan iaitu bermain sepak takraw.

-- BERNAMA